

Gambar 2- Dihasilkan oleh Harith 5C

Frasa-frasa

1. Gambar ini menunjukkan situasi di sebatang jalan raya yang sibuk.
2. Terdapat banyak kenderaan mungkin disebabkan kesesakan lalu-lintas.
3. Dua orang pelajar kelihatan melintas di jalan raya itu.
4. Pada pendapat saya, murid itu sepatutnya menggunakan jejantas untuk menyeberang dan mereka seharusnya mengamalkan peribahasa 'biar lambat asal selamat'.
5. Seorang pemuda sedang menggunakan besi paip untuk menyeberang.
6. Pada pendapat saya, pemuda itu tidak boleh menggunakan paip tersebut sebagai alat menyeberang jalan kerana dia akan jatuh. Perbuatannya amat merbahaya.
7. Seorang budak lelaki cuba memanjat pagar untuk menyeberang jalan.
8. Jikalau saya berada di situ, saya akan menasihatinya supaya menggunakan jejantas.
9. Pada pendapat saya, perbuatan itu tidak baik kerana sekiranya pagar itu tajam, pemanjat itu akan cedera-parah.
10. Empat orang kanak-kanak sedang menangkap ikan di kawasan yang ditandakan kawasan yang berbahaya

11. Pada pendapat saya, mereka tidak sepatutnya berada di situ, kerana kawasan itu ialah kawasan larangan.
 12. Di belakang mereka, ada sebuah tangga yang digunakan oleh budak-budak itu untuk turun ke sungai kecil itu.
 13. Seorang polis yang sedang bertugas di situ kelihatan sedang memarahi mereka kerana mereka tidak mengendahkan papan larangan.
 14. Terdapat berbagai kenderaan seperti bas, kereta, motosikal dan lori yang memenuhi jalan raya.
 15. Pada pendapat saya, mungkin waktu ini orang ramai sedang pulang dari menjalankan tugas.
 16. Beginilah situasi di jalan raya yang sesak dengan kenderaan
-